

# Memupuk kesedaran kepentingan alam sekitar

Oleh JAINUDIN NASIR  
jainudin5709@gmail.com

**TAMAN** Banjaran Crocker merupakan taman daratan terbesar di negeri Sabah yang berfungsi sebagai kawasan tadahan air penting dan membekalkan air bersih kepada penduduk kampung di kawasan berhampiran termasuk bekalan air bagi aktiviti-aktiviti domestik, pertanian, akuakultur, tenaga hidroelektrik, rekreasi dan sebagainya.

Mengambil kira keperluan dan kepentingan itu, mendorong pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) berganding bahu dengan Taman-Taman Sabah, Pusat Biodiversiti Sabah, Borneo Biodiversity Ecosystem Conservation Phase II (BBEC Phase II) bersama agensi-agensi lain seperti Universiti Malaysia Sabah (UMS), Jabatan Pelajaran Negeri Sabah (JPNS), Japan International Cooperation Agency (JICA) dan Jawatankuasa Tindakan Alam Sekitar Daerah Ranau untuk mengajurkan Program 'River Environmental Education' (REEP).

Program selama dua hari (3-4 Nov) di Ranau itu melibatkan 28 pelajar sekolah rendah (Tahun 5 & 6), 10 ahli komuniti serta tujuh guru bersama 18 orang fasilitator yang turut dianggotai tiga orang dari Jepun. Mereka ialah Tomoko Ichikawa (BBEC), Tomomi Kan (JICA), Naomi Akiyama (JICA) dan Ai Kinoshita (JICA).

Program REEP merupakan satu aktiviti percubaan sebagai persediaan dalam mengurus tapak cadangan Rizab Biosfera Banjaran Crocker (CRBR) dan MAB-UNESCO yang kini dalam proses permohonan.

Pengerusi Jawatankuasa pelaksana program itu, Atin Limban memberitahu aktiviti itu amat perlu bagi memberi pendedahan dan pendidikan kepada pelajar terhadap kepentingan Taman Banjaran Crocker sebagai kawasan tadahan serta sumber air yang amat berguna bukan sahaja kepada manusia, malah hidupan lain seperti flora dan fauna.

"Program ini dapat memberi pengetahuan dan pengalaman kepada para peserta terhadap sistem sungai dan hubungannya dengan kehidupan manusia



**ALBUM ...** Sebahagian peserta dan ahli komuniti bersama fasilitator program mengabadikan kenangan semasa di Tagal Luanti Baru.

berhubung Tagal oleh Pengerusi Tagal yang juga Peminpin Kemajuan Rakyat Paginatan, Jeffrin Majangki, sebelum rombongan diberi peluang untuk melawat Tagal dan berinteraksi dengan ikan-ikan pelian yang memang jinak menjadi tumpuan dan daya tarikan para pelancong dari dalam dan luar negeri.

Turut diadakan ialah pembentangan hasil tugasan dan kajian setiap kumpulan seterusnya perbincangan berhubung pelan tindakan pihak sekolah dan komuniti.

Pegawai Daerah Ranau, Faimin Kamin, dalam ucapan perasmian penutupan program itu memuji jawatankuasa

**TAHNAH ... (bawah) Faimin (kiri) menyampaikan sijil kehadiran kepada salah seorang peserta Komuniti.**



kegiatan seperti pembalakan haram, penerokaan hutan dan aktiviti pertanian tidak terkawal di kawasan hulu sungai yang menjadi kawasan tadahan air, menyebabkan sungai tercemar malah ada anak-anak sungai menjadi kering," kata Faimin sambil menambah



**CERIA ...** Tomoko Ichikawa menerima sijil penghargaan disampaikan Faimin.

penganjur khususnya Jabatan Pengairan dan Saliran serta agensi-agensi kerajaan yang lain kerana berjaya melaksanakan program yang amat penting itu.

Menurutnya, penglibatan golongan pelajar dan komuniti dalam aspek penjagaan kebersihan sungai adalah amat

mustahak memandangkan air merupakan sumber kehidupan harian.

"Tanpa air kita dan semua hidupan yang lain pasti akan mati, dengan itu kita sebagai manusia yang mempunyai akal fikiran kena berusaha menjaga kualiti sungai sebaik mungkin dan menghindarkan sebarang bentuk kegiatan atau aktiviti yang boleh mencemarkan kebersihan air sungai," katanya.

Beliau memaklumkan suatu ketika dahulu sungai amat penting kepada penduduk tempatan di mana sungai juga dijadikan tanda sempadan sesebuah kampung atau kawasan selain menjadi sumber rezeki harian mereka, namun belum ada idea bagaimana mengekalkan sumber yang ada itu untuk diwarisi generasi akan datang.

"Sehingga hari ini masih ada golongan tertentu yang tidak bertanggungjawab dengan melakukan pelbagai



**CENDERAMATA ...** Faimin menerima cenderamata daripada pengajar program REEP itu.

pembuangan sampah sarap dan bekas racun rumpai ke kawasan sungai turut mencemarkan kualiti sungai dan menjejaskan kesihatan penduduk.

Katanya, para pelajar dan ahli komuniti yang menyertai program ini merupakan agen perubahan



**PENGHARGAAN ...** Ai Kinoshita juga menerima sijil penghargaan disampaikan Faimin.

dan penyebar ilmu pengetahuan serta maklumat penting untuk memberi kesedaran kepada pelajar dan ahli komuniti yang lain supaya memainkan peranan masing-masing menjaga kualiti kebersihan sungai di kawasan masing-masing.

Faimin mencadangkan salah satu inisiatif terbaik untuk mengekalkan kualiti sungai ialah mewujudkan 'Sistem Tagal' untuk jangka masa panjang dan dapat

diwarisi generasi akan datang.

"Kita bertanggungjawab menyediakan kemudahan untuk generasi kita dengan memelihara kebersihan sungai sebaik mungkin dan kita tidak mahu mewariskan mereka dengan air mata kerana kemusnahan hidupan sungai akibat kegagalan kita dalam menjaga kualiti sungai yang ada pada hari ini," tambahnya.

Di akhir majlis yang diadakan di dewan sebagaimana Rumah Tradisi Pusat Tagal Moroli, Kg Luanti Baru, Faimin diberi penghormatan untuk menyampaikan sijil penyertaan kepada para peserta termasuk barisan fasilitator program.

Bagaimanapun, para peserta termasuk para jemputan daripada jabatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan serta para pemimpin masyarakat yang hadir agak kecewa sebab persembahan tayangan slaid tidak dapat dijalankan kerana bekalan elektrik tiba-tiba terputus.

Sebahagian acara pembentangan daripada kumpulan ketika itu termasuk ucapan penutupan terpaksa dijalankan tanpa pembesaran suara tambahan pula dalam keadaan hujan lebat menyebabkan sebutan kata dan ucapan kurang jelas didengar. Namun pada keseluruhannya, majlis telah berjalan lancar dan teratur.



**BERI SOKONGAN ...** Para jemputan bersama peserta Komuniti yang hadir pada majlis penutupan program.

serta hidupan lain, sekaligus menghasilkan satu pelan tindakan yang boleh dicapai oleh pelajar dan komuniti bagi memelihara dan melindungi sungai-sungai yang berhampiran dengan mereka," katanya.

Antara aktiviti yang dijalankan pada hari pertama program ialah taklimat pemantauan kualiti air di tiga batang sungai iaitu Kenipir, Nabutan dan Lewago, belajar mengenai sumber air paip di kawasan Ranau dan taklimat mengenai MAB dan 'Japanese Pollution Experience'. Semua peserta telah berkampung satu malam di Kampung Luanti Baru berhampiran Pusat Tagal Moroli.

Pada hari kedua, para peserta telah diberi taklimat dan tayangan video



**BEKERJASAMA ...** Peserta ahli komuniti menyilapkan peta dan kajian sungai untuk dibentangkan diperhatikan Atin Limban (berdiri kiri).



**PESERTA GURU ...** Cikgu Wanisa Gampalid dari SK.Pekan Ranau turut menerima sijil disampaikan Faimin, diperhatikan Atin Limban (dua kiri).



**HADIR ...** Jeffrin (kiri) bersama fasilitator dan peserta program.



**SERONOK ...** Para peserta program berpeluang berinteraksi dengan ikan-ikan di Tagal Sungai Moroli.